

Kajian penuntut kebuluran mencurigakan

PUTRAJAYA 14 Jan. - Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Awam (UA) menolak hasil kajian Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia (MVM) yang mendakwa tiga daripada empat penuntut UA kelaparan kerana tidak mampu membeli makanan.

Hasil kajian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu didapati amat mencurigakan kerana tidak dilakukan melalui HEPA UA selain metodologi kajian berkenaan dicurigai tidak mempunyai justifikasi.

Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohamad Shattar Sabran berkata, sekretariat berkenaan mendapati hasil kajian tersebut tidak mempunyai pengesahan dan kebolehpercayaan sekiranya dibahaskan.

“Sekretariat banyak berbingung dan cuba mencari kalau ada perkara yang terlepas pandang jika ada penuntut kami yang menghadapi masalah, namun sehingga hari ini, kami tidak mendapat apa jua respons atau kehendak pelajar-pelajar yang mengatakan mereka menghadapi masalah (kelaparan).

“Hari ini kami ingin membuat penjelasan bahawa senario yang dipaparkan (daripada hasil kajian MVM) itu adalah menyimpang daripada senario sebenar di UA,” katanya dalam sidang akhbar di Kementerian Pendidikan Tinggi di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Noor Aziah Mohd. Awal; Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof. Dr. Mohamed Fadzil Che Din dan Timbalan Naib Canselor HEPA Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof.

Berikutan isu beberapa penuntut UA kebuluran menjadi viral dalam media sosial, MVM menerusi laporan sebuah portal berita telah menimbulkan kegelisahan masyarakat apabila mendakwa hasil kajiannya mendapati tiga daripada empat penuntut UA kelaparan kerana tidak mampu membeli makanan.